



Rujukan : UKM PDF/224/3
Tarikh : 19 September 2016

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 6/2016

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMANSUHAN KEMUDAHAN RAWATAN PERCUMA DI PUSAT PAKAR UKM (UKMSC SDN BHD)

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Universiti dalam mesyuaratnya pada 7 September 2016 telah membuat ketetapan pemansuhan kemudahan rawatan percuma di Pusat Pakar UKM (UKMSC Sdn. Bhd.) berkuat kuasa pada **15 September 2016**.

3. Untuk pengetahuan, keputusan pemansuhan ini sesuai dengan langkah penjimatan yang dilaksanakan oleh Universiti dan ia tidak akan menjejaskan pemberian kemudahan rawatan perubatan kepada warga Universiti kerana perkhidmatan yang sama boleh diperoleh di Hospital Canselor Tuanku Muhriz dengan kadar yang lebih murah. Mengambil kira keputusan Mesyuarat Majlis HUKM Bil. 3/2001 bertarikh 19 November 2001, kemudahan rawatan percuma pusat pakar wajar diberhentikan memandangkan Wad Warga telah mula beroperasi dan disiapkan sejak 2008.

4. Sehubungan dengan itu, sukacita pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada semua kakitangan yang terlibat di bawah penyeliaan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dan mengambil perhatian terhadap perkara berikut:

- a. mulai **15 September 2016**, Universiti tidak lagi menanggung kos bagi semua rawatan di UKMSC;
- b. tiada lagi pengeluaran Surat Jaminan (GL) kepada UKMSC. Sekiranya terdapat pengeluaran GL, Universiti tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos.

Sekian, kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.




MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Pejabat Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdfdar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Salam hormat,



ABD RAZAK HUSSIN
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k. - Naib Canselor
- Pengarah Urusan
UKM Holdings Sdn. Bhd.
 - Puan Khalijah Hj Bakar
Pengarah Eksekutif Kewangan



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Pejabat Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>